

20 AUG 2000

LEAD Tebusan-Kembali

BAKI TIGA TEBUSAN MALAYSIA KEMBALI KE TANAH AIR

KOTA KINABALU, 20 Ogos (Bernama) -- Selepas beberapa kali terpaksa menelan kehampaan ekoran ura-ura pembebasan tidak menjadi kenyataan, kumpulan terakhir tiga tebusan rakyat Malaysia di Jolo, Filipina yang dibebaskan semalam, akhirnya kembali ke tanah air petang ini.

Ketiga-tiga mereka -- Ken Fong Yin Ken, 28, tukang masak Kua Yu Loong, 24, dan renjer Jabatan Hidupan Liar Basilius Jim, 31 -- tiba pada pukul 4.05 petang dengan pesawat Sabah Air yang dipandu kapt James Fong, bapa kepada Fong.

Turut tiba bersama-sama mereka ialah Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Aziz Samsuddin, bekas Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee dan Senator Datuk Sairin Karno yang berada di Zamboanga atas sifat peribadi untuk membantu usaha membebaskan tebusan.

Ahli perniagaan Yusof Hamdan dan peguam Filipina berbangsa Tausug, Jamil Hassan, yang merupakan orang perantara antara kumpulan penculik dan perunding turut tiba bersama-sama mereka.

Suasana gembira sebaik sahaja bekas tebusan itu turun dari pesawat berkenaan bertukar menjadi hiba apabila mereka bertemu keluarga masing-masing yang menyambut mereka dengan tangisan.

Di luar terminal, kira-kira 30 anggota keluarga juga berkumpul sambil membawa sepanduk mengucapkan selamat kembali kepada rakyat Malaysia itu.

Ketika ditemui pemberita kemudian, Fong, yang lebih banyak diajukan soalan, berkata tidak ada kata-kata yang dapat menggambarkan kegembiraannya.

Beliau menyifatkan pengalaman ketika tentera Filipina cuba melancarkan usaha menyelamatkan tebusan pada awal bulan Mei lepas sebagai yang paling menakutkan sepanjang hampir empat bulan dalam tahanan.

Ketika ditanya bagaimana perasaan mereka ketika satu demi satu rakan mereka dibebaskan, Fong berkata, ia satu pengalaman yang agak menyedihkan tetapi pada masa yang sama ia juga menunjukkan adanya perkembangan positif mengenai nasib mereka.

"Saya agak sedih kerana kami tidak dibebaskan tetapi pada masa yang sama saya sedar bahawa ia menunjukkan ada petanda positif dan saya tahu bahawa giliran kami untuk dibebaskan akan tiba juga," katanya.

Renjer jabatan hidupan liar Zulkarnain Hashim, 29, menjadi tebusan pertama dibebaskan pada 23 Jun, diikuti anggota polis Abdul Jawah Salawat, 39, pada 14 Julai dan empat lagi rakyat Malaysia Vincent Kwong, 40, Lee Hock Leong, 20, Baln Krishnan Nair, 34, dan Francis Masangkim, 34, seminggu kemudian.

Kumpulan bersenjata itu juga membebaskan seorang rakyat Jerman dan seorang lagi rakyat Filipina, kedua-duanya wanita.

Dengan pembebasan 11 orang itu, kumpulan itu masih menahan 10 tebusan Sipadan iaitu masing-masing dua rakyat Jerman, Finland, Perancis, Afrika Selatan dan masing-masing seorang rakyat Filipina dan Lubnan.

Fong berkata kali terakhir mereka bertemu dengan tebusan dari Eropah dan Afrika Selatan itu ialah seminggu lepas dan ketika itu keadaan mereka adalah sihat.

Ketika ditanya apa yang akan dilakukan selepas ini, Fong berkata: "Saya masih memikirkannya...tetapi saya sudah ada satu senarai panjang mengenai perkara yang hendak dibuat."

Fong berkata, sepanjang dalam tahanan mereka tidak pernah hilang keyakinan untuk kembali menikmati hidup bebas lebih-lebih lagi dengan usaha

bersungguh-sungguh kerajaan Malaysia dan Filipina untuk mengusahakan pembebasan mereka.

Antara yang difikirkannya ialah untuk kembali bekerja di Pulau Sipadan kerana beliau sudah "cukup lama bercuti dan mungkin boss mahu saya bekerja semula."

Dua lagi bekas tebusan Basilius dan Kua turut menyatakan rasa gembira mereka kerana akhirnya dapat kembali ke tanah air. Mereka akan berehat seketika untuk bersama keluarga yang sudah lama tidak ditemui.

Kesemua mereka turut mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mereka yang terbabit dalam mengusahakan pembebasan mereka.

Ketiga-tiga bekas tebusan Jolo itu kemudian dibawa ke Hospital Ratu Elizabeth di sini untuk pemeriksaan kesihatan, prosidur yang sama seperti yang dilakukan terhadap enam rakan mereka yang dibebaskan sebelum ini.

-- BERNAMA

JS NT AKD